

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

HIS 315 - Mu^c amalat : Konsep dan Perlaksanaan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan di dalam **TIGA [3]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SATU [1]** soalan dari setiap **Bahagian A, B dan C**, dan **SATU [1]** soalan lagi dipilih dari mana-mana bahagian tersebut. Semua soalan yang wajib dijawab **EMPAT [4]** sahaja dan setiap soalan membawa markah yang sama.

BAHAGIAN A:

1. Jawab **SEMUA** perkara berikut.

- [a] Berikan empat takrif al-Haq menurut bahasa, sertakan contoh tiap-tiap satu dan nyatakan aspek perkaitan contoh yang diberikan itu dengan maksud teori al-Haq yang dipelajari. [50 markah]

- [b] Mustafa al-Zarqa' menekankan cara pelaksanaan al-Haq menurut teori tertentu. Sila berikan analisis dengan berdasarkan teori al-Haq menurut beliau bagi menjelaskan tanggungjawab dan peranan individu-individu seperti di bawah.

- [i] Pelajar institusi pengajian tinggi
- [ii] Pensyarah Universiti
- [iii] Bapa
- [iv] Warga negara Malaysia khusus mengenai soal keamanan dan kesejahteraan.
- [v] Pengguna jalan raya

[50 markah]
...2/-

2. Berikut adalah perkara-perkara mengenai teori al-Haq. Nyatakan dengan jelas tiap-tiap satu berdasarkan kepada tuntutan soalan.
- [a] Perbezaan antara *al-Haqq al-Syakhsiy* dan *al-Haqq al-Ainiy*.
[25 markah]
 - [b] Maksud *al-Haqq al-Qada'iy* dan *al-Haqq al-Daiyaniy*.
[25 markah]
 - [c] Konsep promosi dalam usaha menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran menurut teori al-Quran.
[25 markah]
 - [d] Bilangan ahli waris bagi harta peninggalan suami Mariam yang pertama yang mana Mariam sendiri telah mengalami keguguran anak dengan suami tersebut sebanyak 4 kali dan usia kandungan pada setiap kali keguguran itu melebihi 6 bulan. Kini Mariam tinggal bersama dua orang anaknya, hasil perkahwinannya dengan Abu Bakar suaminya yang kedua yang baru-baru ini meninggal dunia akibat kemalangan di jalan raya.
[25 markah]

BAHAGIAN B:

3. Mengambil keuntungan dalam mu^camat jual beli melalui aktiviti ekonomi yang bersifat riba adalah bercanggah dengan maksud ayat al-Quran “Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba” (Q: 2: 275). Nyatakan perkara-perkara berikut berdasarkan pernyataan di atas ;
- [a] Sifat riba al-Nasiah
[25 markah]
 - [b] Konsep riba al-Fadhl
[25 markah]
 - [c] Pandangan al-Alusiy tentang ‘mengambil keuntungan yang berlipat ganda’ (Q: 3 : 130)
[25 markah]
 - [d] Pandangan ulama tentang keuntungan yang diambil melalui pinjaman berfaedah.
[25 markah]

4. Surtahman Kastin Hasan (1993) mengemukakan beberapa pandangan mengenai ekonomi Islam. Bincangkan pandangan beliau tentang perkara-perkara berikut:-

[a] Takrif ekonomi Islam

[50 markah]

[b] Falsafah ekonomi Islam dari sudut;

[i] Konsep Tawhid

[25 markah]

[ii] Konsep Rububiyyah

[25 markah]

BAHAGIAN C:

5. Piagam Madinah yang diilhamkan oleh Nabi Muhammad s.a.w., terdapat di dalamnya fasal-fasal yang menekankan konsep membina perpaduan dalam masyarakat majmuk. Bincangkan 4 fasal sahaja yang menunjukkan perkara-perkara tersebut.

[100 markah]

6. Profesor Ahmad Ibrahim dan Dzafir El-Qasimy (1985), masing-masing membuat ulasan dan memberi pandangan tentang Piagam Madinah. Nyatakan pendekatan mereka tentang fasal 2 dalam Piagam itu.

[100 markah]